

13/06/2003

Pengurangan peruntukan tidak jejas pembangunan: KM

Hasnira Hassan

MELAKA: Kerajaan negeri memberi jaminan projek pembangunan terutama kemudahan infrastruktur tidak terjejas walaupun peruntukan daripada kerajaan Pusat dikurangkan, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Beliau berkata, projek pembangunan sejak 2000 di negeri ini yang kebanyakannya dilaksanakan menggunakan dana sama ada melalui geran atau pinjaman daripada Kerajaan Pusat mencukupi bagi menampung permintaan penduduk setempat.

Malah, katanya, sehingga kini permohonan pinjaman peruntukan daripada Kerajaan Pusat kebanyakannya membabitkan projek kemudahan infrastruktur yang penting.

"Sejak tahun 2000, kebanyakan pinjaman yang kita pohon diluluskan dan apa yang kita minta memang penting. Kita menyokong saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan jika Kerajaan Pusat tidak mampu kita faham.

"Rasanya ini tidak memberi kesan kepada penduduk dalam tempoh terdekat ini dan kita yakin ia akan kembali seperti biasa jika ekonomi pulih, mungkin setahun atau dua tahun lagi," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai saranan Dr Mahathir supaya kerajaan negeri tidak meminta peruntukan yang keterlaluan dalam Bajet 2004 kerana Kerajaan Pusat mempunyai sumber kewangan yang terhad.

Perdana Menteri dilaporkan berkata, ini kerana jika permintaan berkenaan tidak dapat dipenuhi, negeri itu akan kecewa.

Sementara itu, Mohd Ali berkata, sehingga kini hanya tiga projek pembangunan di negeri ini yang masih belum mendapatkan kelulusan peruntukan daripada Kerajaan Pusat iaitu pembinaan siar kaki di sepanjang pantai, rel transit aliran ringan (LRT) dan jalan raya dua lorong menghubungkan Ayer Keroh dan Selandar.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya faham penangguhan kelulusan itu disebabkan kemungkinan projek berkenaan dirasakan tidak begitu penting terhadap penduduk dalam jangka masa terdekat ini.

Malah, katanya, sehingga kini, pihaknya menggunakan agensi kerajaan seperti Telekom Malaysia (Telekom), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi membantu projek pembangunan di negeri ini.